



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية في ماليزيا
ISLAMIC SCIENCES UNIVERSITY OF MALAYSIA

AL-NASHRAH

Leading The Way - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
(Bil 2) Julai - Disember 2013 No. ISSN 2231-9794

UAN DAN IBU BAPA

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
UNIVERSITY OF ISLAMIC SCIENCES
KE-11

CONGRATULATIONS TO GRADUATES AND FAMILY

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
UNIVERSITY OF ISLAMIC SCIENCES
KE-11

هم





202 Pelajar FKP Terima Ijazah Sarjana Muda 4

46.7% Berita Mengenai FKP Tersiar Di Utusan Malaysia 5

FKP Rai 56 Staf dan 177 Pelajar Cemerlang 7

Pengimarahannya Masjid Menjana Pembangunan Komuniti Setempat 8

Menerokai Kebesaran Allah SWT Melalui Fotografi 9

How Qur'an Proves Allah Exists 10

Rasa Halal Macau 14

Tiga Pelajar FKP Dilantik Jadi MPP 19

FKP Juara Liga Fakulti 20

Penasihat

Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani

Ketua Editor

Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin

Editor

Prof. Madya Dr Kamaluddin Nurdin Marjuni
Dr Salhah Abdullah
Dr Khairunneezam Mohd Noor
Fauziah Hassan

Penyumbang Foto

En Al Imran Azmi
En Kamarull Syamzari Kamaruddin
En Mohd Yusrizal Mohd Yunus
En Sharrazmi Anas

Al-Nashrah mengalu-alukan sumbangan bahan untuk diterbitkan di dalam buletin yang akan datang.

Artikel boleh dihantar kepada:

Ketua Editor,
Buletin AL-Nashrah
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai, 71800
Negeri Sembilan.

RENCANA PENGARANG



Prof. Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin
Ketua Editor
Buletin Al Nashrah

"Iman mempunyai bentengnya bagi menghalang segala serangan yang cuba merobohkannya. Oleh itu bagi menguatkan benteng iman, keimanan perlu dibajai dengan lima perkara, yakin, ikhlas, mengerjakan amalan sunat, istiqamah, bertatasusila ataupun berdisiplin dalam mengerjakan ibadah"

Mutiara Kata
Imam Syafie

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T atas kudrat-Nya, buletin AL-Nashrah kali keempat sempena Edisi Kedua untuk tahun 2013 telah dapat diterbitkan.

Kandungan buletin kali ini dapat dipelbagaikan dengan adanya penerbitan dan penulisan daripada kakitangan akademik yang turut sama menyumbang ilmu untuk kebaikan dan manfaat bersama. Terbitan kali ini berkisar mengenai isu-isu yang berlaku sepanjang bulan Julai hingga Disember 2013 dan antara perkara yang penting ialah Majlis Konvokesyen USIM yang ke 11.

Selain itu, bagi kolum Resensi Buku, sidang editorial telah memberi peluang kepada kakitangan akademik untuk mewar-warkan buku yang telah diterbitkan bersama penerbit di luar USIM. Ini menunjukkan bahawa staf akademik di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) semakin bergiat aktif mempelbagaikan dan sekaligus memperbanyakkan penulisan dan penerbitan ilmiah.

Terbitan kali ini juga memaparkan beberapa peristiwa menarik dan penting untuk dikongsi bersama iaitu proses pilihan raya pelajar dan juga jumlah pendaftaran pelajar baharu di FKP. Adalah diharapkan pelajar-pelajar yang baharu bergelar mahasiswa universiti ini akan mengambil peluang sepenuhnya untuk menuntut ilmu dan bersedia menjadi seorang mahasiswa yang cemerlang akademik dan kokurikulum. Juga diharapkan mereka ini akan bersama-sama membantu universiti menuju ke arah pencapaian yang lebih tinggi di persada antarabangsa.

Semoga dengan penerbitan AL-Nashrah ini akan menjadi bahan bacaan tetap setiap warga Fakulti dan universiti bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan dan kemajuan fakulti ini. Kami di pihak editorial juga mengalu-alukan sebarang komen dan cadangan daripada semua pembaca untuk menambah baik kandungan buletin AL-Nashrah dari semasa ke semasa.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada warga kerja buletin AL-Nashrah dan

PROF. DR. ZULKIPLE ABD GHANI

**DEKAN
FAKULTI KEPIMPINAN DAN
PENGURUSAN**

DARI MEJA DEKAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurniaNya yang diberikan kepada kita semua. Ribuan terima kasih juga dipanjangkan kepada sidang editorial Al-Nashrah yang telah bersama-sama menyiapkan isi kandungan buletin rasmi Fakulti pada kali ini.

Buletin kali ini merakamkan perjalanan, perkembangan dan pencapaian separuh kedua Fakulti bagi tahun 2013. Semua warga Fakulti termasuk staf akademik, kakitangan sokongan dan pelajar telah mencurahkan khidmat bakti bagi pembangunan Fakulti, Universiti dan tidak ketinggalan kepada masyarakat yang dekat dan jauh.

Antara peristiwa bersejarah yang berlaku pada bulan November 2013 ialah Fakulti berjaya melahirkan 43 graduan sulung di bawah Program Pengajian Akidah dan Agama. Mereka telah dididik dan ditarbiah oleh para ilmunan yang berdedikasi dan komited. Semoga kehadiran graduan sulung ini bakal menyumbang kepada pembangunan dan kemantapan akidah umat Islam serta menjadi pemimpin yang berkeupayaan meneruskan agenda pembangunan negara.

Sesuai dengan motto Fakulti "leading the way", Fakulti terus menfokuskan hala tuju ke arah melahirkan bakal pemimpin yang bukan sahaja menyumbang dalam konteks nasional malahan di peringkat antarabangsa. Salah seorang dari 7 graduan Ph.D yang dilahirkan oleh Fakulti pada Konvokesyen ke 11 kali ini, Dr. Aref Ahmad El-TaHER EL-Teer dari Libya kini menjadi tetamu undangan popular dalam stesyen al-Jazeera yang membicarakan isu-isu pengurusan politik di Timur Tengah. Selain itu, Fakulti turut menerima pengiktirafan melalui pengurniaan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada prof. Dato' Dr. Hassan Said. Terkini Profesor Madya Dr. Mohd Radhi Ibrahim dipinjamkan dan dilantik sebagai Pengarah Education Malaysia, Mesir. Sekalung tahniah kepada mereka dan moga terus berkhidmat dengan ikhlas dan amanah.

Sesuai dengan harapan dan hasrat pengurusan Universiti untuk membangunkan citra Universiti yang berteraskan gabungan ilmu Naqli dan Aqli, Fakulti akan terus memperkasa aktiviti akademik dan pembangunan staf pada tahun 2014.

Produktiviti staf akademik dalam penerbitan ilmiah bermutu tinggi, aktiviti pemindahan ilmu, keterlibatan dalam masyarakat, perundingan, persidangan dan jaringan pengantarabangsaan akan terus dipertingkatkan. Persekitaran kerja yang kondusif, semangat kerja berpasukan dan komitmen tinggi seluruh warga Fakulti dipercayai akan melahirkan sebuah universiti patuh syariah yang menjadi strategi utama dalam persaingan lautan biru.

Kualiti para pelajar Fakulti khususnya dalam aspek kepimpinan dan prestasi akademik akan turut ditekankan. Kebolehpasaran graduan akan menjadi fokus utama terutama dari segi keupayaan



kata Imam al-Shafie seperti diungkapkan: "Barang siapa yang tidak dimuliakan oleh taqwa, maka tidak ada kemuliaan baginya".

Akhir kalam, saya ucapkan Selamat Tahun Baru 2014 kepada semua pembaca Al-Nashrah dan diharapkan tahun baru akan memberikan kepada kita kenangan yang lebih baik dan kita semua dapat mencipta kejayaan di dunia dan di akhirat. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buletin ini dan semoga

KONVOKESYEN 11 : 202 Pelajar FKP Terima Ijazah

2 Dis – Seramai 202 Pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda sempena Majlis Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang ke 11 bertempat di Stadium Tertutup Nilai.

Naib Canselor USIM, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Asma Ismail berkata daripada jumlah itu 43 orang graduan mencipta sejarah apabila menjadi graduan sulung dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada graduan Program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan kepujian kerana berjaya melengkapkan pengajian mereka selama empat tahun.

Menurut Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani, kejayaan melahirkan graduan sulung untuk program Pengajian Akidah dan Agama adalah satu pencapaian yang besar kepada fakulti dan berharap agar graduan seterusnya akan lebih cemerlang dalam pengajian mereka.

"Hasil usaha dan kerjasama staf akademik dan pentadbiran di FKP, program ini telah berjaya melahirkan graduan sulung dan mengharapkan agar mereka akan lebih berjaya seterusnya dapat menyumbang dan berbakti kepada masyarakat di luar sana," katanya lagi.

Sementara itu, Ketua Program Pengajian Akidah dan Agama, Profesor Madya Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni mengu-



capkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya dan mengucapkan terima kasih atas usaha keras yang telah diberikan oleh mantan Ketua Program, En Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali.

"Tanpa sokongan dan muafakat yang diberikan oleh semua staf dalam program ini, pastinya FKP masih belum

mampu mewujudkan Program Pengajian Akidah dan Agama ini," katanya lagi.

Majlis Konvokesyen kali ke-11 diserikan lagi dengan kehadiran DYMM Tuanku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tunku Besar Mahmud yang merupakan Canselor USIM. Turut berangkat ke majlis yang sama, Tunku Pro Canselor DYMM Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhaudin bin Tunku Mukhriz dan Lembaga Pengarah Universiti.

Senarai Graduan Mengikut Ijazah:

BIL	PROGRAM	JUMLAH GRADUAN
1	Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama dengan Kejujian	43
2	Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kejujian	90
3	Sarjana Muda Kaunseling dengan Kejujian	35
4	Sarjana Muda Komunikasi dengan Kejujian	34
5	Sarjana Da'wah dan Pengurusan Islam	4
6	Sarjana Da'wah dan Kepimpinan Islam	1
7	Sarjana Kaunseling (Kaunseling Keluarga)	19
8	Sarjana Komunikasi (Pengurusan Media)	2
9	Sarjana Kaunseling (Penyalahgunaan Dadah)	26
10	Doktor Falsafah Da'wah dan Pengurusan Islam	7

Senarai Pelajar Yang Memperoleh Ijazah Kelas Pertama:

BIL	NAMA	PROGRAM
1	Nurul Husna Binti Mohd Nor	Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam
2	Azwa Amira Binti Hussain	Sarjana Muda Kaunseling

7 Kertas Kerja Dibentang di SelPTI 2013

6 Dis – Sebanyak tujuh kertas kerja telah dibentang oleh Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) di Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam (SelPTI) 2013 yang dianjurkan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei pada 4 dan 5 Disember 2013 yang lalu.

Selain itu, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) juga telah diberi penghormatan dan dijemput sebagai pembentang kertas ucpatama.

Seminar yang bertemakan Pengajian Tinggi: Antara Tradisi dan Kontemporari itu telah membahagikan kepada lima kluster utama iaitu *Education Cluster*,

Islamic Religious Knowledge Cluster, *Islamic Finance Cluster*, *Management/Marketing Cluster* dan *ICT/Health/Globalisation Cluster* dan dibentangkan secara selari.

Selain pembentangan kertas kerja, seminar SelPTI 2013 juga turut mengadakan Mesyuarat Lembaga Eksekutif yang dipengerusikan oleh Pemangku Penolong Rektor UNISSA dan turut dihadiri oleh wakil daripada USIM dan ISID. Sementara itu, sesi Perbincangan Meja Bulat dan Penutup Persidangan turut diadakan dan dihadiri oleh USIM, UNISSA, ISID, UBD, KUPUSB, ITB dan Politeknik.

46.7% Berita Mengenai FKP Tersiar di Utusan Malaysia

Oleh: Mohamad Syafik Othman
Muhamad Zaki Mustafa


Sebanyak 46.7% berita mengenai Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah diterbitkan di Utusan Malaysia pada tahun 2013 seperti yang dilaporkan dalam kajian yang telah dijalankan oleh Mohamad Syafik dan Muhamad Zaki.

Dalam kajian tersebut, menunjukkan sebanyak 19 artikel telah diterbitkan pada 2013 berbanding hanya 11 pada 2012 dan akhbar Utusan Malaysia merupakan akhbar yang paling kerap melaporkan mengenai FKP.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa berita mengenai FKP gagal menarik minat akhbar-akhbar berbahasa Inggeris seperti The Star dan New Straits Times kerana hanya dua artikel berkenaan Permata Insan yang diterbitkan oleh New Straits Times.

Antara berita yang sering dilaporkan adalah berkenaan penganjuran Seminar dan Festival filem seperti SelPTI 2012/2013, FFVPM-10 2013, SIGMA 3 2013 dan PREVENT 2012. Terdapat juga berita FKP berdakwah di kampung orang asli dan juga berita berkenaan khidmat masyarakat di Kemboja, berita berkenaan peranan ACREDA di dalam rawatan rohani untuk penagih. Selain itu berita berkenaan Anugerah Buku terbaik MAPIM dan berita berkenaan Permata Insan. Kesimpulannya, berita yang paling popular yang sering keluar di dada akhbar di antara tahun 2012 dan 2013 adalah berita berkenaan dadah dan orang asli.

Akhbar lain yang terlibat dalam kajian ini ialah Utusan Malaysia, Berita Harian, The Star, New Straits Times, Sinar Harian, Harian Metro dan Kosmo.



Majlis Perpisahan Rai Dr. Mosbah, Dr. Radhi

10 Dis – Satu majlis perpisahan diadakan bagi meraikan perpindahan Profesor Madya Dr. Mosbah Mansour Moussa Motawea dan Profesor Madya Dr. Mohd Radhi Ibrahim yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP).

Menurut Dekan FKP, Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani, perpindahan Profesor Madya Dr. Mosbah Mansour ke Universiti Al-Azhar merupakan satu kehilangan besar kepada Fakulti. Sehubungan itu, beliau berharap agar hubungan ukhuwah dan akademik akan terus terjalin di antara USIM dan juga Universiti Al-Azhar.

"Saya sedih kerana terpaksa meninggalkan bumi Malaysia kerana budayanya yang pelbagai, makanan serta rakan-rakan di Malaysia yang sungguh baik. Saya berharap agar dapat kembali ke sini lagi," kata Dr. Mosbah sewaktu menyampaikan ucapan yang diterjemahkan oleh Profesor Madya Dr. Mohd Radhi.

Manakala peminjaman Profesor Madya Dr. Mohd Radhi sebagai Pengarah Education Malaysia, Mesir juga adalah satu pencapaian yang membanggakan. Menurut Dekan FKP, pemergian Dr Radhi sebagai Pengarah di sana adalah satu pencapaian dan kelainan yang akan memberikan banyak pengalaman dan ilmu berharga kepada Dr. Radhi.

"Saya berharap Dr. Radhi dapat mewujudkan hubungan akademik di antara FKP dan Universiti Al-Azhar terutama untuk program pembelajaran seperti program sangkutan dalam kalangan pelajar dan pensyarah FKP.



MB Negeri Sembilan Puji Usaha Pelajar USIM Di Rantau

27 Oktober, Rantau- Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hassan memuji usaha dan sikap positif yang ditunjukkan oleh 95 pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terlibat dalam menjayakan program Khidmat Mahasiswa Prihatin yang diadakan selama tiga hari bermula 25 Oktober yang lepas.

"Ini merupakan salah satu program kemasyarakatan yang akan membentuk jati diri mahasiswa supaya dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi dengan masyarakat luar sekaligus menyumbang kepakaran dan ilmu yang mereka dapat melalui sistem pembelajaran di Universiti kepada penduduk kampung," katanya ketika merasmikan majlis perasmian penutupan program di Masjid Jamek, Rantau.



Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Rantau turut melahirkan rasa kagum dengan semangat kerjasama yang diberikan oleh penduduk kampung melalui program penyerahan anak angkat di antara pelajar USIM dan 44 keluarga yang terlibat dan amat mengharapkan hubungan silaturrahim akan sentiasa terjalin.

Menurut Penasihat program ini, Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani, Dekan FKP, program yang berbentuk community engagement ini sudah sememangnya sinonim dan menjadi program wajib kepada para pelajar di FKP.

"Melalui program sebegini, para pelajar dapat mengaplikasikan segala teori, ilmu dan kemahiran insaniah yang dimiliki seterusnya membentuk sifat kepimpinan dalam diri mahasiswa," katanya ketika ditemubual.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh pensyarah dan para pelajar yang terlibat ialah ziarah mesra, pemeriksaan kesihatan, riadah, ceramah, gotong-royong, forum dan sebagainya. Di samping itu seramai 90 orang pelajar daripada tiga buah sekolah menengah di Daerah Rantau terlibat dengan aktiviti meneroka kecerdasan pelbagai yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar USIM selaku fasilitator. Aktiviti Solat Bestari turut memberi peluang kepada fasilitator membimbing pelajar sekolah untuk menghayati dan melakukan amali solat dengan lebih bermakna.

Program yang mendapat peruntukan daripada Menteri Besar Negeri Sembilan ini telah diserahkan sempena pelancaran projek IM4U pada bulan Mac yang lepas di USIM dan turut mendapat kerjasama dari Pejabat Menteri Besar, Negeri Sembilan, Majlis Perbendaharaan Seremban, Negeri Sembilan, Jabatan Penerangan Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Turut hadir semasa majlis penutupan ialah Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin bin Dollah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), En Haizuan Rozali, Pendaftar USIM dan Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani, Dekan FKP.

80 Staf Akademik Terima Royalti

10 Oktober 2013- Seramai 80 orang staf akademik telah menerima bayaran royalti dengan jumlah pembayaran sebanyak RM73,564.22. Selain itu, dua kategori anugerah turut diberikan kepada para penulis yang layak iaitu Anugerah Buku Terlaris (mengikut tiga bahasa) dan juga Anugerah Penulis Prolifk (tiga bahasa).

Untuk kategori Bahasa Melayu, penerima anugerah ialah En. Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, manakala Dr. Muhammad Ridhwan Ab. Aziz bagi kategori Bahasa Inggeris dan Profesor Madya Dr. Asma Abdul Rahman bagi kategori Bahasa Arab. Malah Dr. Asma turut menerima hadiah berganda apabila turut menerima Anugerah Penulis Proflik (kategori B.Arab) bersama Dr. Mohd Rumaizuddin Ghazali (kategori B.Melayu)

Majlis yang diadakan secara dwitahunan ini merupakan majlis khas bagi menyampaikan bayaran royalti kepada semua penulis yang pernah menulis dengan Penerbit USIM yang mana pemberian royalti adalah berdasarkan kepada jumlah buku yang terjual bermula daripada awal sehinggalah tahun 2012. Majlis ini bukan sahaja melibatkan para penulis USIM, tetapi juga para penulis dari luar yang pernah menerbitkan buku dengan USIM.

Majlis yang dirasmikan oleh Pengerusi LPU, Yang Berbahagia Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor Haji Husin ini turut dihadiri oleh Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor USIM dan juga Yang Berbahagia Profe-



En. Wan Mohd Fazrul Azdi dari Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) menerima sijil penghargaan daripada Naib Canselor USIM, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Asma Ismail

Dr. Mustafa Mohd Hanefah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), merangkap Pengerusi Jawatan Kuasa Penerbitan USIM.

Sumber : Bahagian Penerimaan, USIM

FKP Anjur Sambutan Hari Raya



USIM – Empat persatuan pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) iaitu Persatuan Mahasiswa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (PMFKP) dan persatuan-persatuan pelajar iaitu Persatuan Akidah dan Agama (PERWADAH), Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA), Dakwah and Islamic Management Comitty (DIMAC) dan Transformasi Komunikasi (TRANSKOM) telah berjaya menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya.

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani gembira dengan penganjuran majlis tersebut.

"Saya sangat gembira apabila melihat semangat ukhwa dan silaturrahim seluruh warga FKP sama ada daripada para pelajar, kakitangan akademik dan sokongan beratu hati dan saling

Dompert Menang Anugerah Filem Paling Popular

USIM – Filem *Dompert* arahan Maisarah Mohamad dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berjaya memenangi Anugerah Filem/Video Paling Popular anjuran Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia ke 10 (FFVPM10) di Stadium Tertutup Nilai pada 16 November yang lalu.

Filem dokumentari tersebut yang mengisahkan tentang pengorbanan seorang abang terhadap adiknya telah dipilih sebagai penerima Anugerah Filem/Video Pa-

ling Popular apabila berjaya mendapat sebanyak 4000 tontonan di laman You Tube dan Facebook dan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM 500.

Ini merupakan penyertaan USIM kali pertama ke FFVPM dan kejayaan ini membuktikan bahawa masyarakat luar turut menilai bakat dan kreativiti yang dimiliki oleh para pelajar USIM, kata Pengarah Festival, Puan Rosidayu Sabran.

FKP Rai 56 Staf dan 177 Pelajar Cemerlang

21 September – Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah mengambil inisiatif dalam merayakan staf dan para pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan akhir semester lepas dengan mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Semester 1 dan 2 untuk Sesi Akademik 2012/2013 di Hotel Corus Paradise, Port Dickson.

Idea untuk mengadakan majlis tersebut di luar FKP adalah untuk memberikan suntikan semangat kepada para pelajar yang cemerlang untuk terus berusaha dan memperbaiki mutu di dalam pencapaian akademik dan ko-kurikulum, kata Dekan FKP, Y Bhg Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani dalam ucapan perasmianya.

"Universiti juga sentiasa bersungguh-sungguh untuk membentuk mahasiswanya agar menjadi insan yang memiliki sifat al-Abrah dan Ulul al-Bab ke arah melahirkan khair ummah. Mahasiswa USIM diharap sentiasa melakukan kebaikan, menabur



Staf Contoh Bulanan.

Program yang dijalankan selama dua hari itu juga turut menganjurkan program mahabbah dan aktiviti team building antara kakitangan FKP bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan dan silaturrahim.

bakti dan memiliki keupayaan untuk mewarnai masyarakat setelah tamat pengajian kelak," tambahnya lagi.

Selain mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan kepada 157 para pelajar yang berjaya memperoleh Purata Nilai Gred Semester (PNGS) 3.60 dan ke atas, FKP juga turut menghargai staf yang cemerlang dengan mewujudkan 10 anugerah iaitu Anugerah Penerbitan Jurnal, Anugerah Penerbitan Karya Asli, Anugerah Penerbitan Popular, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Pengajar Cemerlang, Anugerah Khidmat Masyarakat, Anugerah Staf Cemerlang (Pentadbiran), Anugerah Pentadbir Pilihan, Anugerah Khidmat Murni dan Anugerah

SPADA Anjur Program Motivasi Minda Sihat Hidup Bermatlamat

Sabak Bernam, 8 Disember 2013 – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Program Fleksi SPADA Sesi 2013-2015 telah mengambil inisiatif bagi membantu mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dengan menganjurkan Program Motivasi Minda Sihat Hidup Bermatlamat pada 7 hingga 8 Disember yang lalu di Rumah Kebajikan Darul Islah, Sabak Bernam.

Menurut Pengarah ACREDA iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani, program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar pasca siswazah terhadap pelaksanaan modul penagihan dadah secara langsung berdasarkan kepada pendekatan tertentu mengikut kesesuaian



untuk bersama-sama menambatkan gejala ini.

Rumah Kebajikan Darul Islah merupakan pusat pemulihan yang terbahagi kepada dua fungsi asasnya iaitu memberi rawatan pemulihan berkonsepkan terapi Islam kepada pesakit penyalahgunaan dadah dan turut memberi peluang kepada pesakit untuk menjalankan aktiviti seperti penternakan kambing dan projek tanaman kelapa sawit bagi meningkatkan keyakinan diri pesakit

apabila keluar dari pusat ini. Usaha yang dijalankan oleh pusat pemulihan ini bukan sahaja membantu dari segi pemulihan diri namun memberi peluang kepada penghuni untuk berdikari apabila keluar daripada

Oleh Kumpulan Penyelidikan RAGS
Kepimpinan Imam, Prestasi Masjid,
Dan Pembangunan Komuniti

PENGIMARAHAN MASJID MENJANA PEMBANGUNAN KOMUNITI SETEMPAT

Masjid menduduki tempat yang mulia dalam Islam kerana mempunyai fungsi utama sebagai tempat ibadat. (Abd AL-Rahman AL-Jaziri, 2004, 152) Dalam surah AL-Jin 72: ayat 18, Allah SWT pernah berfirman yang bermaksud: "Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata; maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapa pun bersama-sama Allah." Dalam mentafsirkan ayat ini, Prof. Dr. Wahbah AL-Zuhaili menjelaskan: "disandarkan masjid kepada-Nya menandakan pemuliaan dan pengagungan terhadap masjid." (1418H, Jilid. 29, 175-176) Masjid pada zaman Rasulullah SAW merupakan pusat bagi pelbagai kegiatan masyarakat Islam. Fungsinya tidak lagi terhad setakat tempat ibadat khas seperti solat, bahkan merangkumi tempat ibadat umum seperti pusat perbincangan masyarakat, pendidikan, pentadbiran, penyatuan ummah, siasah, sosial dan sebagainya.

Oleh itu, pengimaran masjid perlu dilaksanakan bagi memastikan fungsi masjid seperti yang telah ditunjukkan oleh Baginda SAW dapat terus dilestarikan. Malah usaha ini patut dipergiatkan untuk menjadikan masjid sebagai pusat kemajuan ummah sejagat. Firman Allah SWT dalam surah AL-Taubah 9: ayat 18 yang bermaksud: "Hanyasanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk." Usaha pengimaran masjid ini tidaklah terhad kepada melihat kuantiti kehadiran jemaah ke majlis-majlis ilmu dan sambutan perayaan-perayaan khusus dalam Islam. (Fakhrul Adabi Abdul Kadir, 2007, 74) Malah, hal ini turut tertakluk kepada pelbagai elemen-elemen maddi, maknawi dan ijtimaci lain seperti kemudahan fizikal masjid, kecekapan dan keberkesanan kepimpinan dan pengurusan masjid, tahap kefahaman agama masyarakat sekeliling masjid, kedudukan geografi masjid dan banyak lagi. (Nubi Muhammad Hasan, 2002, 20)

Antara isu yang selalu ditimbulkan dalam kalangan masyarakat yang cakna agama adalah berkenaan kedudukan masjid-masjid yang kurang atau tidak lagi diimarahkan. Terdapat pelbagai kaedah atau prosedur yang dapat digunakan dalam konteks Malaysia hari

ini untuk menangani masalah ini, seperti: melaporkan kepada pihak ulul amri iaitu ketua masyarakat atau bahagian takmir di pejabat agama berkaitan, berbincang dengan pihak jawatankuasa masjid untuk menggalakkan aktiviti pengimaran masjid dan adakalanya melalui pelaksanaan istibdal.

Hakikatnya, dalam konteks Mazhab Shafie, istibdal adalah tidak dibenarkan kerana masjid yang kurang diimarahkan atau tidak lagi diimarahkan ini merupakan hak Allah SWT yang tidak boleh ditukar ganti (Luqman Haji Abdullah, 2010, 77). Namun begitu, dalam Himnunan Keputusan Muza-

Selaras dengan perubahan zaman di mana pembangunan sedang berjalan dengan pesat, maka sudah sampai masa segala amalan wakaf dan urusan-urusan tentangnya diubahsuai dengan tidak terikat kepada Mazhab Syafie sahaja.

tapi perlulah dilaksanakan secara berhati-hati. Perkara ini dinyatakan seperti berikut:

Selaras dengan perubahan zaman di mana pembangunan sedang berjalan dengan pesat, maka sudah sampai masa segala amalan wakaf dan urusan-urusan tentangnya diubah suai dengan tidak terikat kepada Mazhab Syafie sahaja. Kaedah-kaedah pengurusan wakaf perlulah didasarkan kepada Mazhab Hanafi atau mana-mana mazhab yang lebih sesuai dengan keadaan dan masa. Namun demikian, amalan tersebut hendaklah dibuat dengan berhati-hati supaya tidak dipergunakan sewenang-wenangnya. (JAKIM, 2009, p. 85)

Jelasnya, terdapat keperluan utama agar sebuah kajian yang terperinci dilaksanakan sebelum sesebuah masjid itu dapat disahkan supaya melalui istibdal. Ini dalam erti kata yang lain, merupakan jalan yang pertengahan dalam meraikan kedua-dua pandangan dalam Ahl Sunnah Wal Jamaah iaitu pertama, pandangan jumhur Syaficiyyah yang sangat berhati-hati sehingga tidak membenarkan istibdal dan pandangan kedua, Hanafiyah yang membenarkan istibdal atas dasar masalah.

Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, secara umumnya, terdapat pelbagai kemungkinan yang dapat difahami boleh menjadi penyebab utama bahawa satu-satu masjid itu kurang atau tidak lagi diimarahkan. Melalui kajian yang terperinci, dapatlah diketahui punca-punca yang menjadi penghambat kepada pengimaran masjid dan dicadangkan langkah-langkah untuk mengatasi punca-punca ini. Sekiranya tidak dapat dilaksanakan sebarang intervensi yang bersesuaian bagi masalah pengimaran ini, barulah kaedah istibdal selayaknya dilaksanakan untuk memastikan syiar Islam terus berlangsung di bumi Malaysia ini secara baik dan kukuh, serta menjamin pembangunan komuniti setempat sentiasa berlaku secara holistik untuk hasanah fi al-dunya wa hasanah fi al-akhirah.

Penulisan ini disediakan oleh kumpulan penyelidik yang terdiri daripada Dr Mahazan Abdul Mutalib (FKP-USIM), Prof. Madva Dr.

Oleh Rosidayu Sabran



MENEROKAI KEBESARAN ALLAH SWT MELALUI FOTOGRAFI

Perkataan 'fotografi' atau dalam bahasa Inggeris 'photography' diambil daripada perkataan Greek iaitu 'photo' yang bermaksud 'light' atau cahaya dan 'graphein' (to draw) melukis.

Bidang fotografi memerlukan peminatnya mempelajari teknik mengambil gambar dengan jaya dan berkesan. Berjaya mengambil gambar bermaksud berjaya merakamkan sesuatu subjek pada detik yang tepat semasa ia berlaku. Kejadian ini pada kebiasaannya dirancang lebih awal ataupun diperolehi secara spontan.

Apa yang dirakamkan merupakan intipati kepada mesej yang ingin disampaikan melalui keinginan yang diputuskan sebelum perkara atau kejadian tersebut berlaku. Apakah tujuan kita merakam sesuatu gambar? Biasanya individu merakam sebagai tanda kenangan mengenai sesuatu peristiwa. Misalnya, peristiwa tersebut merupakan saat yang paling mengembirakan dalam hidupnya. Sesetengah individu sering membawa kamera bersamanya ke mana juga dia pergi dan merakamkan setiap perkara dan perbuatan yang dilalui dalam perjalanan tersebut. Ia mungkin dirakam dengan tujuan tertentu atau sekadar untuk kepuasan diri.

Seringkali kita memandang remeh tugas mengambil foto. Mengambil sebuah foto kelihatan mudah tetapi sebenarnya ia sukar dan terpacak melalui pelbagai cabaran jika tidak dirancang dengan betul. Itulah yang saya tekankan kepada pelajar-pelajar kelas teknik fotografi. Perancangan dan ilmu mengenai fotografi akan menghasilkan kepuasan mengambil gambar yang unik dan berbeza walaupun terhadap subjek yang sama.

Apakah bentuk-bentuk persediaan umum yang perlu diberi perhatian untuk mengambil sesebuah foto? Apabila berada di lokasi yang ditetapkan, seorang jurufoto perlu:

1. Tentukan jenis kamera dan lensa yang akan digunakan supaya dapat mencapai tujuan mengambil gambar.
2. Buat keputusan tentang tema gambar.
3. Pilih subjek yang ingin dirakamkan. Keputusan ini penting agar jurugambar fokus kepada subjek yang ingin dirakam. Jika tidak foto yang dirakam seolah-olah hilang fokus dan tertumpu kepada perkara-perkara lain dalam sesebuah frame. Kandungan subjek foto pula akan lebih mengelirukan fikiran kerana fokus atau tumpuan diletakkan bukan kepada satu fokus sahaja malah beberapa subjek yang terkandung di dalam sesebuah foto.

4. Buat keputusan bagaimana subjek tersebut akan dirakamkan. Mengambil gambar harus mempunyai tujuan. Jurufoto harus mempunyai sedikit ilmu mengenai cara yang betul mengambil gambar. Ini termasuk tahu dari segi kesesuaian masa dan kedudukan subjek untuk mengambil

tersebut mengikut persepsi anda sendiri.

6. Ubah suai cara mengambil gambar dengan bermain teknik mengambil gambar yang berbeza-beza dari sudut teknik, *framing*, komposisi atau sudut pandangan.


7. Jangan takut untuk mengubahsuai kedudukan anda atau subjek untuk mendapat sudut yang lebih baik.

Apakah bentuk pembelajaran yang kita perolehi apabila mengambil foto? Ramai tidak sedar bahawa aktiviti mengambil gambar dapat menghilangkan stres, meningkatkan sensitiviti dan rasa prihatin terhadap persekitaran dan kemanusiaan. Ramai juga yang kurang faham keupayaan aspek komunikasi yang terkandung dalam aktiviti mengambil gambar. Namun, selepas mengambil gambar menggunakan *setting* manual, mereka mula faham kesan dan kepuasan yang dikecapi.

Manusia diberi akal sebagai satu kekuatan untuk berfikir mengenai keajaiban dunia, setiap kejadian yang menakjubkan dan semua kehidupan yang terkandung di dalamnya. Pemikiran mengenai kejadian alam ini sesungguhnya dapat meningkatkan ketakwaan diri terhadap Penciptanya. Imam Al-Ghazali dalam buku *lhya* 'Ulumuddin (2013:1258) menyatakan Allah SWT telah berfirman yang bermaksud: "Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak daripada jin dan manusia yang mempunyai hati tidak mahu memahami dengannya, dan yang mempunyai mata tidak mahu melihat dengannya dan yang mempunyai telinga tidak mahu mendengar dengannya; mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai." (al-A'raf, 179)

Tema-tema fotografi seperti potret, lanskap, makanan, majlis, alam semulajadi, kanak-kanak, perjalanan, haiwan dan tema kehidupan dalam laut, semuanya memberi pelbagai paparan pengajaran dan

pen-akhirnya diharapkan mendidik insan mengenai kejadian manusia, haiwan dan alam tentang tanda-tanda kebesaran Allah SWT yang akhirnya meningkatkan ketakwaan ummah terhadap Penciptanya.





By Dr Ahmed Abdul Malik

HOW QUR'AN PROVES ALLAH EXISTS

Islam declares that God is the Supreme intelligence behind the creation of the universe and all life. He is the Sovereign Ruler. In Him vests all Power.

From Him comes all laws to regulate man's affairs, and these laws are embodied in His revealed Scriptures which He sent through the agency of the divinely-inspired prophets named in the Qur'an and Bible.

Islam puts forward four basic arguments to prove God's existence. They are:

1. Man's inherent Natural instinct of inner awareness of the existence of some Almighty Power or Creator responsible for man's creation and awe-inspiring universe along with the incredible marvels and laws of nature. Allah says in the Holy Qur'an:

"So, set you (O Muhammad) your face towards the religion (of pure Islamic Monotheism) Hanif (worship none but Allah Alone). Allah's Fitrah with which He has created mankind. No change let there be in Khalq-illah (the religion of Allah – Islamic Monotheism). That is the straight religion, but most of men know not". (Surah Al-Rum, 30:30).

Likewise in this regard our beloved Prophet Muhammad (peace be upon him) said in the Hadith narrated by Abu Hurayrah (May Allah be pleased with him): "No child is born except according to his Fitrah or upright nature (Islam). It is his parents who make him a Jew or a Christian or a Magian (pagan). (Agreed upon).

Since we were all born with monotheism in us, the rejecters of faith who worship false deities, ascribing them as partners to Allah have all rebelled against the fair nature in which Allah has created them. So if anyone of them die in that state which is polytheism they will be in the Hell-fire forever and they will not be forgiven by Allah. Thus Allah said.

"Verily Allah does not forgive the crime of associating partners unto Him but He will forgive anything other than that to whom He pleases". (Surah An-Nisa 4:48)

For the important of the word Fitrah in both texts Qur'an and Hadith, we would like to explain the word. The Arabic word "Fitrah" means those inborn, innate qualities that are found in men and women. The natural disposition which man was created with. The instinctive feelings that were given to man by his Lord, Allah to enable him to perform and carry out his role as His Khaleefa (representative) on earth effectively.

Mankind is divided into three categories in regards to Al-Fitrah (Natural Instincts):

The first category is people who have acknowledged these natural instincts but are totally helpless in controlling them. Instead they have become slaves of their instincts and feelings so much so that it leads to their own destruction. Many people die daily from smoking, drug abuse and sexually transmitted disease even though they were fore warned about the dangers of these habits. In spite of being counseled about the evil effects of these habits their desires lead them to carry out and practice these habits like a lamb to the slaughter. These people have no self-control and this is no doubt the evil handiwork of the devil.

The second category of people in regards to natural instincts is: those who discover their natural instincts and try to ignore some of them. Feeling shy about them, thinking that it is shameful to indulge in them. For example the priests, monks, popes are the exact opposite of the first who lived only for the sake of satisfying their instincts.

They are also extremists and this also is the evil handiwork of the Devil because to deny such a vital instinct like sex will inevitably lead to numerous perversions like heavy drinking, nightmares, child abuse, homosexuality, masturbation frequent nocturnal emissions and so on. These second categories of people who deny their natural instincts which were given to them by their Lord are guilty of changing the fair nature of Allah's creation

these natural instincts to control us so we become slaves to them; as is the case with a promiscuous person who lives for his desire, nor do we deny any of these of these instincts the priests, monks, nuns or pops. But instead we acknowledge our instincts and control them with the divine guidance of the Holy Qur'an and the Sunnah (tradition) of our beloved Prophet Muhammad (PBUH). By doing so we have lived up to our title the middle nation given to us by our Lord Allah:

"Thus we have made you Muslims a middle nation that you be witnesses over Mankind and the messenger (Muhammad SAW) will be a witness over you". (Surah Al-Baqarah, 2:143).

There we are the balance nation, means we do not go to the extreme in anything but instead we implement and practice if moderately providing its lawful. This is also the reason why Islam our way of life was called by Allah Deen al-Fitrah. The natural and upright religion. Thus He said: "So set you your face towards the true religion of pure Islamic monotheism". (Surah Ar-Rome, 30:30)

2. Man's natural instinct to turn to some "unseen power" when in trouble or distress and which he inherently believes can save or help him.

It has been closely observed and recorded that even atheists have instinctively called out "Oh God!" in severe moments of distress, as when a parachute fails to open after jumping out of a plane. Allah says in the Holy Qur'an: "And if you (O Muhammad) ask them: "Who has created the heavens and the earth" they will certainly say: "Allah". Say: "All praise and thanks are Allah's!" But most of them know not". (Surah Luqman, 31:25).

3. Man's Intellect through the use of observation and deductive reasoning when observing and studying science, physics and metaphysics. Atheistic scientists are now openly admitting the existence of a "Supra Intelligence" behind creation in so far as new discoveries are being made which defies the run of the mill rational theories of the atheists. Allah says in the Holy Qur'an. "Do they not look at the camels, how they are created? And at the heaven, how it is raised? And at the mountains, how they are rooted (and fixed firm)? And at the earth, how it is outspread? So remind them (O Muhammad-PBUH) you are only one who reminds". (Surah Al-Fajr, 89:17-21).

4. The Divine revelations that have come through the world's greatest prophets and in all ages disclosing the existence of God. And to both Muslims and non-Muslim scholars of Islamic studies, the Revelations of Muhammad, the Prophet of Islam (peace be upon him) who could neither write nor read. Have been described as a "miracle in itself".


The Prophet revealed 6.247 verses of the Qur'an, which is a sizable volume Islamic encyclopedia comprising 114 chapters. It offers an incredible variety of argument's to prove God's bonafides.

The Qur'an uses the name "Allah" to refer to God. It is the Arabic term meaning Almighty, Supreme. Unlike the English term "God" which lends itself to plurality (Gods); or the feminine gender (Goddesses), or the diminutive (god), Allah spelled forward or backward remained Allah for thousands of years, or as long as the Prophets of Islam used this term, and which according to the Qur'an, includes Jesus, Moses, Abraham, Ismael, Isaac, Jacob, Joseph, Noah up to Adam.

The Qur'an says, Allah is not God of the Muslims alone, but Allah is God of all mankind:

"And your Ilah (God) is One Ilah (God-Allah), there is none who has the right to be worshipped but He, the Most Gracious, the Most Merciful". (Surah Al-Baqarah, 2:162).

However, the issue of God's name is a very essential and fundamental in Islam unlike other religion, the name of God can be translated and uttered in a regular spiritual activities.



By Mohd Zaliridzal Zakaria

COUNSELING PSYCHOLOGIST ROLES IN CRISIS INTERVENTION FOR NATURAL DISASTER

The Asian Tsunami occurred on December 26, 2004, following by an earthquake with an intensity of 9.0 on the Richter scale in the Indian Ocean, off the western coast of Sumatra Indonesia. The tsunami killed more than 230 000 people from 13 countries. In Malaysia, Penang Island and shores of the northern state of Kedah were the most affected.

The Tsunami has not only awoken the government on giving a more serious effort on providing a more effective disaster warning system, but it has also gives insight to counseling psychologist on the needs of a more effective crisis intervention team.

Counseling psychologist all over the nation has puts efforts in providing psychological and psychosocial support to those who are affected. Although everyone is putting hands together, a serious question has arisen from the situations. Does everyone involve on the helping process possess a proper training on crisis intervention or other means psychological first aid? These ethical issues should be the priority of each counseling psychologist due to the situation of providing crisis intervention or psychological first aid should not adapt any type of individual or group counseling session due to the uniqueness of all sort of crisis situation. Benveniste (2006) assert that in natural disasters such as earthquakes, landslides and floods; it is important for counseling psychologist to remember that everyone is affected by the crisis, including the counseling psychologist themselves. As such, Benveniste (2006) has put out several useful principles to keep in mind:

1. Counseling Psychologist Need To Take Care Of Themselves And Each Other – Physically And Emotionally

It is easy for counseling psychologist to become overwhelmed and emotionally drained by this kind of work. They need to take breaks, eat properly, and rest when they become tired. A traumatized and overwhelmed therapist is not able to be as helpful to the people that need him or her. Experienced psychologists and psychiatrists who have never worked in crisis before are often quite surprised to discover how exhausted they feel after doing crisis counseling for only three or four hours.

2. Counseling Psychologist Need To Remember To Think Clearly

It is easy to lose perspective and become confused in a crisis. Counseling psychologist should try to slow down, make a checklist of priorities to address with each case, and discuss their clinical decisions with their colleagues.

3. Counseling Psychologist Need To Set Priorities

In a crisis people often lose their ability to evaluate what is important from what is not. With each case it will be helpful for the counselor to have a checklist for guiding him or her through the work. It might include information such as: name of patient, age, address, family members, physical illness or injury, time of last meal, etc. Safety, medical concerns, sleep, food, and

has been removed. Many people are delirious, anxious or depressed because of medical problems. Others are agitated due to lack of sleep. If a person hasn't eaten for a while they may be depressed, agitated, or have difficulty thinking. It is dangerous to treat these kinds of problems as simply psychological problems. Sometimes a patient needs a meal, a rest, some first aid or some medication more urgently than anything else.

4. Counseling Psychologist Need To Work Collaboratively And Seek Supervision From One Another

Crisis work is best performed in a site where intense interdisciplinary interaction between colleagues is possible. Such an environment gives counseling psychologist the opportunity for mutual supervision and consultation with medical doctors, nurses, psychiatrists, psychologists, social workers and others involved. It is easy for counseling psychologist to become overwhelmed with the intensity of the problems and find their thinking clouded. Consultation becomes essential for conscientious crisis intervention.

5. Working With Client In Crisis Is Not The Same As Seeing Client In A Private Practice Or A Clinic Setting

Your crisis intervention "office" may be a large room with many other people in it doing all sorts of different things or it may not be in a building at all. Confidentiality may be seriously compromised by the nature of the emergency and the need for support from others. Office hours in a crisis have nothing to do with the clock. The counselor meets with people when they are in need. Sessions last as long as the needs and resources allow them to last.

6. Counseling Psychologist Working In A Crisis Need To Be Light On Their Feet

They need to leave the private practice model behind and even leave the clinic model behind. They need to look at the situation for what it is and be as creative and innovative as they can. They need to improvise with space, time, materials and resources. They need to collaborate closely with others. They need to assess their task and choose goals appropriate to the circumstances and the situation. They need to be forgiving of others and themselves when they lose their composure. And, if at all possible, they need to maintain their sense of humor.

Literally, any counseling psychologist has to adapt to all this principles before embarking themselves in a crisis intervention setting especially during natural disasters. We definitely would not want any psychological injury to happen especially to the people who need help and also to the helpers. May Allah bless all the people who has given their times, energy and efforts in providing psychological first aids throughout the nation. May Allah give the entire Malaysian counseling psychologist who has devoted their effort in upholding the ethical principles in crisis situations.



Sebahagian Staf Akademik dan Pentadbiran Ketika Menghadiri Bengkel Gembira Bersama FKP 2013 Di Hotel IOI, Palm Garden, Putrajaya.



Ketua Setiausaha 1 Kementerian Komunikasi dan Multimedia, YBhg. Dato' Dr Rofiah Binti Hj Omar Hadir Bersama Naib Canselor USIM, YBhg. Prof Dato' Dr Asma Ismail dan Ketua Pengarah FINAS, YM Raja Rozaimi Raja Dalniah Shah Ketika Menghadiri Malam Anugerah FFVPM 10 2013.




Sebahagian Staf FKP Seronok Ketika Menjayaki Majlis Anugerah Kecemerlangan Dan Program Paradise Port Dickson.

Pasukan FKP FC Meraikan Kejayaan Selepas Menjuarai Liga Bola Sepak Fakulti Piala Naib Canselor USIM 2013.



Sebahagian Staf Akademik Ketika Merayakan Majlis Perpisahan Profesor Madya Dr. Mohd Radhi Ibrahim dan Profesor Madya Dr. Mosbah Mansour.



Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dolah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) dan Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Mohamad bin Haji Hassan Semasa Majlis Perasmian Penutupan Program Khidmat Mahasiswa Prihatin Dun Rantau Pada 27 Oktober 2013.



in Aktiviti Sukaneka Ketika Mahabbah FKP Di Hotel Corus

Dekan FKP, Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani Menyampaikan Taklimat Kepada Pelajar Baru Sesi Akademik 2013/2014 Di Dewan Kuliah Fakulti 1.2 FKP Yang Turut Dihadiri Oleh Staf Akademik dan Pentadbiran FKP.



Oleh Muhamad Zaki Mustafa
Zainol Abidin Ahmad

Rasa Halal Macau

Mencari makanan halal memang merupakan cabaran kepada umat Islam terutama jika merantau di negara yang majoritinya bukan penduduk Islam. Pengalaman menghadiri seminar di Macau baru-baru ini memberikan satu pengajaran kepada kami betapa pentingnya merancang dan menjalankan penyelidikan dahulu sebelum ke sesebuah negara bak kata pepatah menyediakan payung sebelum hujan.

Perjalanan kami bermula pada 27 Ogos 2013 seawal jam 6.00 pagi dengan menaiki pesawat Air-Asia dan tiba di Macau tepat jam 10.15 pagi. Perjalanan mengambil masa selama 4 jam. Tiada perbezaan waktu antara Malaysia dan Macau kerana terletak pada zon waktu yang sama. Cuaca begitu panas di Macau dengan suhu melebihi 35 darjah celsius. Kami menggunakan bas transit dari lapangan terbang Antarabangsa Macau ke Sheraton Macau Hotel Cotai Central. Cotai Central merupakan kawasan hotel-hotel serta kawasan pusat perjudian yang terkenal di Macau atau lebih dikenali sebagai Las Vegas Asia. Boleh dikatakan kawasan Cotai Central ini dipenuhi orang 24 jam sehari terutama tempat-tempat kasinonya yang tidak pernah tidur.

Setibanya di hotel kami sudah terasa lapar kerana hari telah menjelang waktu makan tengah hari walaupun di dalam kapal terbang kami telah mengambil makanan berat. Puas kami mencari restoran halal di sekitar kawasan Cotai Central ini namun hampa. Walau bagaimanapun, kami telah membuat persiapan awal dengan membeli nasi paket serta



rendang ayam buat bekalan di sini. Kalau tidak alamat kebulur kami di sini memandangkan tiada tanda terdapat makanan halal di sini.



Pada hari terakhir di Macau kami telah bertemu Encik Aris Azhar, salah seorang pengurus di Sheraton Hotel ini. Beliau berasal dari Singapura dan pernah bekerja di Malaysia serta pembantu beliau Mark Chang, rakyat Malaysia yang bekerja di sini. Bertemu dengan Aris telah membantu kami mencari makanan halal di Macau dengan Aris telah memberi kami buku panduan serta tunjuk arah di mana kami boleh memperolehi makanan halal di Macau. Menurut Aris lagi yang telah dua tahun menetap di Macau bersama keluarga dari Singapura memang susah hendak mendapatkan makanan halal di sini.

Kami menuju ke kawasan Macau Central atau pusat Bandar Macau untuk mencari restoran halal yang dimaksudkan oleh Aris, Lou Lang Islam Restaurant (rujuk gambar). Restoran ini tidak jauh dari Fort Magherita kawasan pelancongan yang terkenal di Macau. Itu pun setelah puas kami mencari di celah-celah bangunan. Antara makanan yang terdapat di sini adalah terdiri daripada makanan Barat seperti chicken chop, lamb chop sehinggalah kepada home-made noodle ataupun mee dibuat sendiri di kedai ini. Harga makanan bermula dari RM 30 sehingga RM 150 bagi sepinggan hidangan. Walaupun agak mahal tetapi kami tiada pilihan dan agak susah mendapat makanan halal di Macau. Begitulah yang pengalaman yang kami dapat kongsi ketika mencari makanan halal di Macau. Pesanan kami sentiasalah bersedia dengan bekalan makanan dari Malaysia jika anda tidak pasti yang anda akan bertemu dengan makanan halal ketika di luar negara.



Oleh Khatijah Othman



Adab dan Tanggungjawab Terhadap Ilmu

Menuntut ilmu bagi semua manusia adalah sangat penting. Tanpa ilmu, seseorang manusia itu akan dianggap sebagai seorang yang 'tiada isi' dan 'berotak kosong'. Percakapan seseorang yang berilmu adalah sangat jauh berbeza dengan percakapan seseorang yang berilmu. Kerana percakapan dan buah fikiran seseorang yang berilmu adalah datang dengan sikap yang berhati-hati, penuh rasional, tidak gopoh dan mempunyai pertimbangan dalam hal-hal lain yang relevan. Oleh itu, dalam berusaha menjadi manusia berilmu yang diredhai Allah SWT dan sentiasa diberi petunjuk oleh Nya, sangatlah perlu untuk kita memahami konsep amanah terhadap ilmu terlebih dahulu.

Ilmu itu Adalah Hak Allah SWT

Memahami konsep amanah terhadap ilmu adalah sangat penting kerana ilmu itu adalah hak Allah SWT. Apa yang kita cari dan belajar adalah hanya merupakan setitik dari ilmu Allah SWT yang dikurniakan manusia dimuka bumi ini. Firman Allah SWT dalam surah Yunus, ayat 5-6, bermaksud menerangkan tentang segala ciptaan alam dan cakerawala ini adalah datang dari Allah SWT. Silih berganti antara malam dan siang adalah dengan kudrat dan iradat Allah SWT. Semua itu adalah tanda segala kebesaran Allah SWT yang Maha Mengetahui dan mempunyai sumber kepada segala ilmu pengetahuan. Oleh itu adalah sangat penting untuk kita belajar dan menuntut ilmu untuk mengenal Allah SWT dan segala zatnya terlebih dahulu dan seterusnya beramal dengan penuh keyakinan dengan berteraskan rukun Iman dan rukun Islam tersebut. Dengan itu pencarian dan pembelajaran ilmu-ilmu duniawi yang lain (contohnya ilmu akademik) yang kita pelajari ini adalah sentiasa terpinpin dengan kemas dan kukuh berteraskan dengan konsep Tawhid kepada Allah SWT. Oleh itu, kita mestilah sentiasa bersyukur dengan apa jua pemberian Allah SWT dalam pencarian tersebut dan merasa bahagia dan nikmat dengan kurniaan ilmu tersebut.

Adab-adab Mencari Ilmu

Didalam pencarian ilmu, terdapat banyak adab-adabnya yang digalakkan untuk diamalkan dalam Islam. Namun disini ada tiga perkara asas yang digariskan iaitu:-

i- Beradab dan menghormati guru

Guru adalah pembimbing dalam pencarian ilmu ini. Beradab sopan yang tinggi dan menghormati guru adalah satu ciri yang teramat penting supaya ilmu itu diberkati Allah SWT dan ilmu itu mampu menjadi panduan dalam menyusuri kehidupan duniawi ini. Redha guru bermakna ia mendoakan kesejahteraan kepada pelajarannya dan sebaliknya sekiranya pelajar itu tidak menunjukkan sikap yang baik dan beradab kepada gurunya sama ada di dalam kelas atau di luar kelas. Sikap menghormati guru dalam apa jua keadaan mestilah menjadi tunggak dalam proses pembelajaran supaya ilmu itu sendiri mempunyai barakahnya kepada diri pelajar tanpa mengira ia adalah ilmu tentang ketuhanan atau ilmu berkenaan duniawi.

ii- Doa dari ibu bapa

Perlulah diingat bahawa menuntut ilmu perlunya ada redha dan doa dari ibu bapa. Ibu bapalah yang mengasuh, menjaga, mendidik seseorang itu dari sejak lahir sehingga dewasa. Untuk berjaya dalam pelajaran, pentingnya sentiasa diiringi oleh doa restu dari ibu bapa. Kerana doa ibu bapa akan membuatkan ilmu yang dituntut itu lebih mudah dipelajari dan mendapat manfaat kepada orang yang menuntutnya.

iii- Kesungguhan dan komitmen pelajar sendiri

Menuntut ilmu perlulah ada sikap kesungguhan dan komitmen dari pihak pelajar sendiri. Kesungguhan dan komitmen yang dimaksudkan disini adalah mengenai sikap pelajar sendiri kepada ilmu itu. Ini termasuklah kesungguhan dalam menghadiri kelas dan syarahan, kesungguhan dalam mendengar dan memahami syarahan yang diberikan. Setiap tugas yang diberikan ditumpukan dan disiapkan dengan penuh minat dan bertanggungjawab. Perlunya membuang sikap malas dan lalai dalam pembelajaran. Sesungguhnya orang-orang yang malas dan lalai itu adalah termasuk ke dalam golongan orang-orang yang rugi.

vidu. Tanggungjawab ini adalah kepada:-

i- Tanggungjawab kepada Allah SWT

Manusia sebagai khalifah di muka bumi ini sudah tentu memerlukan ilmu dalam mentadbir dan menguruskan alam ini seperti mana yang diamanahkan oleh Allah SWT. Oleh itu ayat pertama yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW adalah Iqra' dalam surah Al-'Alaq, ayat 1-5 yang bermaksud;

"Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".

ii- Tanggungjawab kepada ibu bapa

Ibu bapa mengeluarkan belanja yang tinggi untuk setiap anak itu apabila mereka melangkah kaki dari alam persekolahan rendah, menengah hinggalah ke menara gading. Anak-anak perlulah menjalankan tanggungjawab untuk menjaga mereka setelah kedua ibu bapa mereka mulai meningkat usia. Maksud bertanggungjawab kepada kedua ibu bapa bukan hanya bergantung kepada unsur material sahaja, tetapi yang lebih lagi adalah sentiasa berbuat baik, berakhlak, berkata lembut dan sentiasa bersedia berkhidmat kepada mereka. Juga mendengar segala nasihat yang diberikan mereka. Sesungguhnya anak yang soleh adalah anak yang sentiasa mendoakan kedua ibu bapanya setelah mereka meninggal dunia. Dan perkara ini sebenarnya hanya mampu dilakukan oleh mereka yang mempunyai ilmu kerana kepada yang tidak berilmu mungkin mereka mengambil ringan perkara-perkara yang dinyatakan tadi akibat dari kejahilan diri sendiri.

iii- Tanggungjawab kepada masyarakat

Orang yang berilmu sebenarnya mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mendidik masyarakat. Dengan dada yang berilmu, banyak perkara mungkar dan jenayah sosial yang berlaku boleh ditangani dengan baik. Sekiranya tiada orang yang berilmu dalam masyarakat maka, masyarakat akan tidak keruan dan perkara-perkara maksiat dan mempunyai unsur negatif akan berleluasa. Teguran menggunakan ilmu sudah tentu tidak sama dengan orang yang tiada berilmu. Dengan ilmu teguran dan pengajaran dapat dijalankan dengan cara yang berhikmah.

iv- Tanggungjawab kepada negara

Pembinaan negara yang kukuh dan sejahtera adalah datang dari rakyat yang berilmu dan berdedikasi untuk membangunkan negara. Justeru rakyat berilmu menjadi tunggak kekuatan Negara dan sekaligus akan mempunyai idea yang berkesan dalam memperbaiki dan menambahbaikkan sistem itu sendiri. Banyak negara maju di dunia ini yang hancur pada hakikat sebenarnya kerana rakyatnya dilalaikan dengan kehidupan sosial yang rapuh, tiada bertuhan, dan akhirnya ternyata mencari berbagai solusi untuk mengatasinya. Orang yang berilmu akan mampu untuk mentadbir negara dengan baik dan menyumbang kearah kecemerlangan negara untuk jangka masa panjang dan menjadi waris perjuangan para anbiya' dan salafus-soleh.

Kesimpulan

Manusia yang berilmu mampu memahami potensi dirinya dan mampu mengembangkan potensi yang ada dengan cara yang bermanfaat dan terpinpin. Ilmu yang benar dan bermanfaat adalah merupakan warisan para nabi kepada umatnya. Dalam satu hadis Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

"Sesungguhnya ulama itu adalah pewaris para nabi. Para nabi tidak mewariskan dinar dan dirham. Mereka hanya mewariskan ilmu. Maka barang siapa yang mengambil (warisan ilmu) tersebut ia telah mengambil habuan yang paling sempurna". (Hadis Riwayat Ahmad, Tarmizi, Abu Daud dan Ibnu Majah).



Oleh Dr Othman bin Ab Rahman

Aplikasi Pendekatan *Client Centred* Dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Proses pengajaran dan pembelajaran kepada ahli-ahli akademik di universiti termasuk Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan suatu yang sangat dititikberatkan. Ini bertepatan dengan Amanat Naib Canselor USIM pada awal 2013 yang menggariskan 10 cabaran yang harus dihadapi oleh USIM untuk terus maju di masa hadapan. Dalam amanat tersebut, Naib Canselor meletakkan cabaran kedua yang perlu dihadapi oleh USIM iaitu "kemampuan universiti untuk menyediakan dan memupuk keserjanaan ahli akademik yang terbilang." Pengajaran yang berkesan boleh dicapai sekiranya seseorang pensyarah itu berjaya mengubah pelajar-pelajarnya dari aspek pemikiran, tingkah laku dan sikap ke arah hasil pembelajaran yang dihasratkan. Contohnya, jika hasil pembelajaran menghendaki pelajar-pelajar menguasai kemahiran berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Arab, maka pengajaran pensyarah tersebut seharusnya menuju ke arah melahirkan pelajar-pelajar yang mampu berkomunikasi secara lisan dalam Bahasa Arab. Keberkesanan pengajaran seseorang ahli akademik itu ditentukan oleh hasil pembelajaran yang dikuasai oleh pelajar-pelajarnya bukannya hanya kepada ketinggian ilmu dan kepetahan ahli akademik itu bersyarah. Menurut perspektif psikologi pembelajaran pula, keberkesanan seseorang pensyarah itu mendidik adalah bermula apabila pensyarah tersebut mampu memahami psikologi pelajar-pelajarnya.

Kepentingan memahami psikologi pelajar

Pensyarah yang memahami psikologi pelajar-pelajarnya mampu mengenali kekuatan dan kelemahan pelajar-pelajar mereka. Ini dapat membantu pensyarah tersebut merangsang motivasi pelajar-pelajarnya. Motivasi berkait rapat dengan keperluan dan kehendak yang mengarah pemikiran dan tingkah laku seseorang. Motivasi penting kerana kajian menunjukkan usaha yang dilaburkan oleh pelajar dalam proses pembelajaran sangat mempengaruhi kualiti dan kuantiti pembelajaran (Blumberg, 2009). Kajian daripada Alexandar dan Murphy (2000) pula menunjukkan penglibatan, iltizam dan motivasi intrinsik mampu meningkatkan pembelajaran seseorang. Untuk merangsang motivasi pelajar, seseorang pensyarah tersebut harus memiliki dan mengaplikasikan kemahiran kaunseling.

Pendekatan kaunseling dalam pengajaran dan pembelajaran

Salah satu pendekatan kaunseling yang akan dibincangkan dalam artikel ini adalah Terapi *Client Centred* oleh Carl Rogers (1951). Pendekatan ini mengutamakan kepentingan setiap individu sebagai perancang masa hadapannya. Pensyarah yang mengaplikasikan pendekatan *Client Centred* percaya bahawa setiap manusia itu mempunyai sumber bakat untuk mengurus diri secara berkesan serta berupaya menangani masalah yang dihadapinya. Kepercayaan ini disandarkan kepada fitrah bahawa setiap manusia itu unik dan mempunyai harga diri. Memiliki ciri

berinteraksi dengan manusia lain dan berkembang ke arah sosialisasi yang positif. Berdasarkan pendekatan *Client Centred*, kejayaan seseorang pensyarah yang mengaplikasikan pendekatan ini diukur kepada kualiti pensyarah tersebut membawa kepada perubahan tingkah laku pelajar-pelajar tersebut. Antara kualiti ciri yang perlu dimiliki ialah empati, penerimaan tanpa syarat dan kongruen atau keikhlasan.

a) Empati

Empati adalah kebolehan seorang pensyarah memahami pelajar-pelajarnya dalam peringkat yang lebih mendalam. Ini merangkumi kemahiran mendengar dengan aktif tentang apa yang diperkatakan oleh pelajar-pelajarnya sama ada secara tersurat maupun tersirat. Pensyarah juga dapat menyelami kesulitan yang dihadapi oleh pelajar serta bertindak membantu ke arah mengatasi masalah berkenaan. Kesan daripada pendekatan ini menyebabkan pelajar tersebut bera-sa kesulitan yang ditanggungnya difahami dan menjadi keutamaan kepada penyelesaian permasalahan pengajaran dan pembelajaran.

b) Penerimaan tanpa syarat

Pensyarah dapat menerima pelajar-pelajarnya dengan hati terbuka tanpa membezakan status ekonomi, taraf hidup, mahupun ketu-runan. Implikasi penerimaan bermaksud pensyarah menggunakan pendekatan tidak menilai (non-judgemental) yang juga bermaksud sikap penyayang tanpa syarat. Apabila sikap mesra dan penerimaan ini wujud dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, maka pelajar-pelajar akan bersedia menerima bimbingan daripada pensyarahnya. Pelajar juga berasa lebih yakin untuk menghadapi permasalahan yang timbul dalam proses pembelajaran.

c) Kongruen atau keikhlasan

Ini menggambarkan pensyarah tersebut memiliki kualiti keikhla-san, kejujuran dan kebolehpercayaan dalam hubungan sesama manusia. Untuk menjadi seorang yang kongruen dalam hubungan dengan pelajar-pelajarnya, pensyarah perlu menonjolkan dirinya yang sebenar tanpa sikap berpura-pura. Apa yang diajar oleh pensyarah juga akan ditunjukkan olehnya dalam bentuk perilaku dan akhlaknya yang sebenar. Kualiti kejujuran dan keikhlasan akan men-jadi role model yang bakal mendorong pelajar-pelajarnya mengha-dapi permasalahan secara terbuka. Ini menyebabkan pelajar-pelajar memahami diri mereka secara lebih mendalam.

Kesimpulan

Keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran di USIM sangat dititikberatkan terutama dalam menyahut cabaran kedua dalam Amanat Naib Canselor USIM. Untuk memupuk dan meningkatkan keserjanaan ahli-ahli akademik dalam pembelajaran dan pengajaran, pensyarah-pensyarah harus didedahkan kepada pendekatan psikologi kaunseling dan mengaplikasikan Pendekatan *Client Centred*



قضية خلق القرآن بين الفكر والسياسة

أ.د/ كمال الدين نور الدين مرجوي


أستاذ مشارك ورئيس قسم العقيدة والأديان بالكلية

مشكلة العالم الإسلامي اليوم أنه ينشغل بمشكلات زائفة عن مشكلات حقيقية، ومن هذه المشكلات قضية خلق القرآن، ومن هنا يرى أستاذي الدكتور/ حامد طاهر (نائب رئيس جامعة القاهرة السابق) أن هذه القضية من القضايا الزائفة في علم الكلام، لأنها لا تنتج عنها سوى الدوران في حلقات مفرغة، بل أنها تشوش نظام العقل، وتعطل حركة الفكر الحقيقي والواقعي. ومسألة كلام الله تعالى أو خلق القرآن من المسائل التي تتصل بالصفات أشد الاتصال، وذكر أن اليهود كانوا أول من قال بخلق كلام الله، وأول من قال ذلك منهم هو: لبيد أعصم اليهودي القائل بخلق التوراة. ويبدو أن أول من أظهر القول بخلق القرآن في الإسلام - كما أشار إليه ابن تيمية - الجعد بن درهم، والجهم بن صفوان ثم تابعه المعتزلة.

إذن، فأخطر ما تفرّج عن موقف الفرق الكلامية أو المذاهب العقائدية من صفات الله مسألة خلق القرآن، وهذه القضية لم تكن معروفة في عهد النبي، ولا في عهد الصحابة والتابعين ومن بعدهم حتى نهاية الدولة الأموية، كما أن القرآن الكريم لم يتحدث عنها وكذلك السنة النبوية، وهي ليست من الأمور الاعتقادية التي لا يتم الإيمان إلا بها، ولا ينبني عليها أي عمل والخوض فيها وخصوصا في هذا العصر من الأمور التي يجب أن ينهي عنها، ويكفيها ما أجمع عليه المسلمون بأن القرآن كلام الله تعالى ونحن مطالبون بحفظه وفهمه وتدبره والعمل به. وحدث هذه الفتنة في العراق في بداية القرن الثالث الهجري، وكانت في بدايتها معركة جدلية بين بعض علماء المعتزلة والحاكم العباسي من جهة وبين الإمام أحمد بن حنبل وبعض من أتباعه من جهة أخرى، ودام الجدل في هذه القضية قرابة عشرين عاما (234-218 هـ) وتوالى على الحكم العباسي في هذه الفترة: المأمون، والمعتصم، والواثق، والمتوكل في بداية عهده. وقد أعلن المأمون وهو الخليفة العباسي بوجوب الاعتقاد بخلق القرآن وأحبر الناس والعلماء على التصريح بذلك، وامتنح الناس والعلماء. وقصة الإمام أحمد بن حنبل في هذا معروفة ومشهورة. وقد سجن الإمام أحمد بن حنبل بسبب هذه المسألة لمدة ثلاثين شهرا وجلده بالسياط، وكان ابن أبي دؤاد يصرخ بأعلى صوته: "يا أمير المؤمنين اقتله فإنه كافر". قال الدارقطني: "أحمد بن أبي داود قاضي القضاة للمعتصم والواثق، وهو الذي كان يمتحن العلماء في أيامهما ويدعوا إلى القول بخلق القرآن".

والخلاف حول القرآن أم مخلوق أم غير مخلوق نقاش وخلاف يكاد يكون شكليا أكثر منه موضوعيا، وللأسف الشديد أن النقاش والخلاف فيه ترتب عليه من النتائج ما لم نسمع بمثله مع أي خلافات كلامية أخرى، قد تكون أشد منه وأهم، مما جعل العلماء يسمون الخلاف في هذه المسألة بأنه محنة أي محنة القول بخلق القرآن، أو على وجه التحديد محنة الإمام أحمد بن حنبل، وقد كانت محنة فعلا، حيث تعدّى الخلاف فيها حاجز التصويب والتخطيء والتظلم إلى التكفير والتعذيب والقتل وما إلى ذلك من محن، ومصائب، وفتن.

على أية حال، فإن هذه القضية من القضايا التي أخذت من الزمن والجهد وشدة الشقاق بين الفرق الكلامية واتجاهاتها أكثر مما ينبغي لها، حيث تخرج هذه المشكلة من حلقات الدرس والمناظرة داخل المسجد إلى ديوان الخلافة، ويمتد أجهزة الشرطة، ويصبح أحد مشاغل الناس الرئيسية في مطلع القرن الثالث الهجري، فيستمر خلال حكم المأمون (198-218 هـ)، والمعتصم (218-227 هـ)، ثم لا يلبث أن يهدأ في عهد الواثق (227-232 هـ)، وفي هذه الفترات سفكت بسببها دماء كثيرة وجرت من أجلها محن عظيمة وبلايا متتالية على العلماء، واشتد الأمر وغصت السجون بالمخالفين فيها القائلين بأن القرآن كلام الله غير مخلوق منه بدأ وإليه يعود، وتحول هذه القضية إلى النقيض تماما في عهد المتوكل (232-247 هـ).



الغزو الفكري والثقافي

الدكتور/ نجيب الشيخ عبد الصمد

محاضر بقسم العقيدة والأديان، كلية القيادة والإدارة

يتحدث هذا البحث عن الغزو الفكري وتحدياته والذي تمارسه الدول الغربية ضد الشعوب الإسلامية، وهذا الغزو تدعمه جهات متعددة وهي: الصليبية والعلمانية الغربية والشيوعية الإلحادية التي ترفض الدين والكيان الصهيوني، تلك هي أهم جهات الغزو التي تجرّ وتنتشرها، ولهذا صار الغزو الفكري من أخطر التحديات الخارجية التي تواجه الفكر الإسلامي المعاصر، في عصر العولمة الثقافية، ذلك لأنّ التحديات الأخرى التي تواجه الفكر الإسلامي وإن كانت كثيرة إلا أنّ أخطرها على الإطلاق يعتبر الغزو الفكري والثقافي نظراً لتعدد الجهات الداعمة له، وكذلك ما يترتب عنه من أفكار وسموم تنشر من خلال هذا الغزو، ومن هنا ينبغي أن نتناول في هذا المبحث تحدي الغزو الفكري، حتى تكون الصورة واضحة أمام أعين الناس كي لا ينخدعوا أمام موجات العولمة الثقافية، والدعوات التحريرية التي تعد أهم وسيلة من وسائل الغزو الفكري في الوقت الراهن.

إن خطورة الغزو الفكري تمثل القضاء على المقومات الإسلامية المتمثلة بالهوية الإسلامية وذلك بالقضاء على معتقدات الأمة وثقافتها وأخلاقها وتقاليدها وعاداتها وحضارتها ورسالتها العالمية والدعوة لتكون أمة ليس لها أي هدف في الحياة وبالتالي تصبح عبئاً على الآخرين، كما يحدث اليوم في كثير من المواقف الدولية ومن هنا أدركت القوى المعادية للإسلام على أهمية هذا العمل الفكري وكان من نتائج هذا الغزو الفكري أن انتشرت بين أبناء المسلمين صراعات الأفكار الدخيلة والهدامة والمبادئ المستوردة من الخارج لتفريق وحدة الأمة الإسلامية وإضعاف كلمتهم التي تمثل قوتهم العقدي والمادية مما يجعلها لقمة سائغة أمام أعدائها الطامعين لنهب خيرات الشعوب الإسلامية، وللأسف هذا ما يحدث في البلاد الإسلامية هذا علماني وذلك لليبرالي وهذا شيوعي، وهكذا أصبح حالنا كما يقول عبدالله بن عبد المحسن التركي لقد أدركت الدول الغربية أنّ الاستراتيجية الوحيدة لسيطرة العالم الإسلامي ليست العتاد العسكري وأنّ القوة العسكرية مهما بلغت من الدقة والتحديث والتطوير لا يكون الحل المناسب لهيمنة الشعوب المغلوبة ولهذا حولوا الصراعات إلى ساحات أخرى غير الساحات العسكرية ومن ثمّ أدركوا أنّ الانتصار الحقيقي هو السلاح الثقافي والفكري وأنّ السلاح الأكثر تدميراً وفاعلية هو سلاح الأفكار ويمكن القول إنّ الأمة التي تفرغ من عالم أفكارها ويحالم بينها وبين منابع تراثها الثقافي تصبح عرضة لشتى أنواع التحديات، وخاصة الغزو الفكري الذي صار واقعاً على أكثر شعوب العالم الإسلامي وعلى هذا الضوء يذكر التركي أسباب هذا الغزو.

أولاً: في مجال السياسي أو العسكري الذي يستخدمه الاستعمار ضد العالم الإسلامي لم يواكبه جهاد ماثل من حيث القوة والوضوح والجد والشمول ضد آثار الاستعمار وقواعد نفوذه.

ثانياً: إنّ كثيراً من البدائل الثقافية التي قررت بوصفها ثقافة وطنية بعد رحيل الاستعمار كانت متأثرة بأفكار الغازي وثقافته وتشمل هذه الأفكار خليطاً بين الثقافتين الرأسمالية والماركسية وما تفرع عنهما من قيم وعادات قدمت نفسها بوصفها بديلاً حضارياً للثقافة الإسلامية.

ثالثاً: يرى عبدالله التركي أنه حصل خلط بين العلوم التجريبية والمسائل الثقافية، فاستقبلت فلسفات الحياة ومناهج الثقافة ومفاهيم الأدب والفن استقبال العلوم التجريبية ترحيباً وتمثيلاً واستيعاباً.

رابعاً: إنّ التجدد الثقافي لدى المسلمين لا يزال ببطء شديد. وهذه العوامل حسب رأي التركي هي التي ساهمت في انتشار الأفكار الغربية بين أبناء الأمة الإسلامية. وإنّ المجتمعات الإسلامية تعاني آثار هذا الغزو الفكري مما زاد المشكلة عمقاً وتعقيداً وحدة فقد أغرقت الشعوب الإسلامية بتدفق إعلامي ضخم وله بالغ التأثير يستخدم وسائل مختلفة ومن هنا تأتي خطورة العولمة الثقافية وغزوها على العالم الإسلامي ومن ثمّ

3 Pelajar FKP Dilantik Exco MPP USIM

24 Okt - Tiga orang pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah dilantik menjadi perwakilan pelajar yang baharu bagi sesi 2013/2014.

Masing-masing yang telah dilantik ialah Muhammad Farid bin Ishak, Pelajar tahun 3 Program Dakwah dan Pengurusan Islam dan Musfirah Nabila Mohd Suhaimin juga merupakan Pelajar Tahun 3 Program Kaunseling memegang portfolio sebagai Exco Korporat dan Pengantarabangsa. Manakala Khairunnisa' Ghazali, Pelajar tahun 3 Program Dakwah dan Pengurusan Islam memegang portfolio sebagai Exco Kesenian dan Kebudayaan.

Pada pilihan raya kampus kali ini, FKP mempertandingkan 5 penjuror dan pengundi memilih calon fakulti iaitu Muhammad Farid dengan undian sebanyak 973 undi dan Musfirah sebanyak 978 undi.

Manakala bagi calon umum FKP iaitu Khairunnisa' mendapat undian sebanyak 3536 undi.

Menurut Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Prestasi FKP iaitu Profesor Madya Datin Dr Sapora Sipon walaupun keputusan pilihan raya kali ini tidak berjaya menempatkan calon pelajar FKP dalam senarai pengurusan tertinggi MPP namun berharap mereka akan menjalankan amanah dengan baik dan seterusnya menjadi wakil dan pengantara kepada pelajar FKP yang lain.



MUHAMMAD FARID
BIN ISHAK



KHAIRUNNISA' BINTI
GHAZALI



MUSFIRAH NABIELA
BINTI MOHD
SUHAIMIN

Amarul Arief Dilantik Yang Dipertua PMFKP, 72.21% Keluar Mengundi



Sebanyak 72.21% pelajar Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) atau 985 pelajar daripada jumlah keseluruhan 1364 yang keluar mengundi semasa pilihan raya Persatuan Mahasiswa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (PMFKP) yang lalu.

Sementara itu, keputusan pilihan raya itu menyaksikan bahawa Amarul Arief Mohd Shuhaimi telah dilantik menjadi Yang Dipertua PMFKP dengan mendapat undian sebanyak 530.

Menurut beliau, jawatan ini merupakan satu amanah yang perlu digalas dengan baik dan ikhlas bagi memperjuangkan kebajikan keseluruhan pelajar FKP dan saya mengharapkan sokongan daripada semua EXCO yang telah dilantik, katanya ketika ditemubual.

Sementara itu, Dekan FKP iaitu Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani berkata, semoga dengan pemilihan kali ini, persatuan PMFKP akan bersama-sama Fakulti untuk mencipta lebih banyak kejayaan sama ada dalam bidang akademik dan ko-kurikulum.

FKP Terima 397 Pelajar Baharu

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) menerima seramai 397 pelajar baharu yang mendaftar untuk sesi akademik 2013/2014 dan jumlah ambilan pelajar ini meningkat berbanding daripada 347 pada tahun lepas.

Menurut Dekan FKP, Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani walaupun jumlah peningkatan ini agak kecil namun, pertambahan ini menunjukkan prestasi yang membanggakan terutamanya kepada pelajar yang mendaftar untuk Program Komunikasi telah meningkat dari 59 pelajar kepada 97 pelajar untuk ambilan sesi kali ini.

"Saya mengharapkan agar mereka menjadi pelajar FKP yang berjaya dalam bidang akademik dan ko-kurikulum sekaligus dapat menaikkan nama dan imej positif fakulti," katanya semasa menyampaikan taklimat bersama pelajar baharu di Dewan Kuliah Fakulti 1.2 FKP.

Sebelum itu, keseluruhan pelajar baharu yang mendaftar telah pun menghadiri Majlis Amanat Perdana Naib Canselor pada 30 Oktober 2013 di Stadium Tertutup Nilai. Dalam ucapan Naib Canselor tersebut, beliau mengharapkan agar seluruh pelajar yang baharu menjadi warga USIM dapat menjiwai semangat dan matlamat USIM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi berteraskan pengajian Islam.

Bil.	Program	Tahun 1
1.	Program Kaunseling	76
2.	Program Dakwah dan Pengurusan Islam	129
3.	Program Komunikasi	97
4.	Program Pengajian	95
	JUMLAH	397

Ketua Pengarah FINAS Rasmikan FFVPM 10 2013

15 Nov - YM Raja Rozaimi Raja Dalnish Shah, Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas), telah merasmikan Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) Ke-10 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 3, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Dalam ucapan perasmian, beliau berbesar hati kerana USIM telah berjaya menganjurkan festival tahunan ini dengan persiapan yang lancar dan rapi serta diisi dengan pelbagai aktiviti akademik bagi menarik minat dan mendidik pelajar dan masyarakat luar mengenai industri filem di Malaysia.

"Saya berbangga kerana banyak penyertaan telah diterima dari seluruh IPTA/S iaitu hampir kepada 190 penyertaan dan saya melihat ini sebagai satu permulaan yang baik walaupun USIM baru pertama kali diberi kepercayaan menjadi tuan rumah untuk festival ini," katanya dalam ucapan perasmian.

Antara program yang dianjurkan semasa FFVPM 10 berlangsung ialah wacana akademik, forum perbincangan filem Tanda Putera, bengkel, pameran daripada pihak industri dan sebagainya.

Turut hadir semasa majlis perasmian tersebut ialah Profesor Dr. Mustafa Hanefah, Timbalan Naib Canselor (Inovasi dan Penyelidikan) dan Profesor Madya Dr. Mohd Yahya Mohamed Ariffin, Timbalan Dekan Akademik dan Penyelidikan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) USIM.



FKP Juara Liga Bola Sepak USIM



Pasukan bola sepak Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) telah dinobatkan sebagai juara liga bola sepak Piala Naib Canselor selepas berjaya mengumpul mata perlawanan sebanyak 11 mata dan menewaskan pasukan dari Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dengan keputusan seri 2-2.

Menurut Ketua Jurulatih FKP FC, En Al Imran Azmi kejayaan pasukan bola sepak FKP ini adalah hasil daripada kerjasama semua ahli dalam pasukan yang rajin turun untuk berlatih.

"Saya yakin pasukan FKP FC akan berjaya mengekalkan kejuaraan ini pada tahun hadapan kerana dibarisi oleh pemain-pemain muda dari kalangan pelajar Tahun 1,2 dan 3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan fakulti yang sentiasa menyokong pasukan FKP FC terutama kepada Dekan FKP, Profesor Dr. Zulkiple Abd Ghani.

FKP FC telah membawa pulang piala iringan dan pemain FKP Muhammad Farhan Sazali telah dinobatkan sebagai pemain terbaik kejohanan.


A. Kadir Jasin Sampaikan Ucaptama Di SMED

10 Dis – Tokoh Wartawan Negara, Datuk A. Kadir Jasin telah dijemput untuk menyampaikan ucap terna di Seminar Media dan Dakwah (SMED) 2013 yang dianjurkan oleh Pelajar Komunikasi Tahun 4, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) di Dewan Kuliah Fakulti 1.2 FKP.

Menurut Pengarah Program, Muhammad Hasif Idris pengantaraan seminar ini bertujuan untuk melatih para pelajar Komunikasi bagaimana untuk menganjurkan sebuah acara atau seminar dan mengaplikasikan kemahiran insaniah yang mereka miliki. Selain itu, seminar ini juga untuk berkongsi ilmu dan maklumat yang disampaikan oleh panel yang dijemput.

Selain pembentangan ucap terna tersebut, seminar itu juga telah mengadakan forum akademik berkaitan media dan komunikasi yang telah dihadiri oleh tiga panel yang dijemput iaitu Dr. Mohd Faizal Kasmani, Hjh Nik Hasnah Ismail dan Idzuaifi Hadi Kamilan.

Seminar yang bertemakan Cabaran Mendepani Media Arus




RESENSI BUKU



Penulis : Profesor Madya Datin Dr Sapora Sipon dan Ruhaya Hussin
Tahun Terbit : 2013
Penerbit : Penerbit USIM

Buku edisi ke empat ini memuatkan pertambahan dua bab baharu, iaitu Keperluan Teori Dalam Kaunseling dan Teori Kaunseling Kontemporari. Teori Kontemporari ini membincangkan dua terapi baharu iaitu Terapi Terapi dan Terapi Interpersonal yang menjadi polemik kini. Keistimewaan edisi baharu ini selain pertambahan bab baharu ialah bab-bab yang ditulis dalam buku ini cuba melengkapkan tajuk berkaitan teori kaunseling dan psikoterapi di samping memuatkan teori-teori yang baharu muncul dalam psikoterapi. Garapan bahasa yang mudah, ilustrasi yang menarik dan susunan penulisan yang mantap menjadikan buku ini amat menarik untuk dibaca. Pengamal bidang kaunseling juga boleh memanfaatkan bahan yang terdapat dalam buku ini untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kaunseling. Buku ini juga amat sesuai dibaca oleh semua pelajar dalam bidang kaunseling.



Penulis : Profesor Madya Dr Kamaluddin Nurdin Marjuni
Tahun Terbit : 2013
Penerbit : Penerbit PTS Publication

Sejak zaman berzaman, dendam kumpulan Syiah terhadap Ahli Sunnah wal Jamaah seperti tidak berkesudahan. Bermula daripada dendam terhadap Muawiyah bin Abu Sufian yang dituduh merampas kuasa khalifah daripada Ali bin Abu Talib pada tahun 661 Masihi, kumpulan pro Ali terus menyimpan dendam terhadap Muawiyah dan keturunannya daripada Kerajaan Bani Umayyah sehingga dendam terhadap Ahli Sunnah Waljamaah yang mengiktiraf kepimpinan Abu Bakar, Umar Al-Khattab dan Uthman yang mendahului Ali bin Abu Talib. Buku ini membahas berkenaan kelompok Syiah terbesar yang menjadi tunjang utama dalam politik dunia, Zaidiyah, Itsna Asyariah (Imam 12), dan Ismailiyah Batiniyah dan konflik mereka dengan kelompok Ahli Sunnah Waljamaah yang mempunyai kaedah tersendiri dalam memilih pemimpin.


LEADERSHIP FOR RELIGIOUS LEADERS ANSWERING ISSUES AND CHALLENGES OF MOSQUE LEADERSHIP IN MALAYSIA

MAHAZAN ABDUL MUTALIB
ABDULLAH ABDUL GHANI

Penulis : Dr. Mahazan Abdul Mutalib dan Abdullah Abdul Ghani
Tahun Terbit : 2013
Penerbit : IKIM PRESS

In Malaysia, imams are viewed both as leaders and officers of mosque. Even though the importance of imams has always been confused with their limited job specifications, their roles as leaders of mosques and Muslims society have never been neglected by scholars. Based on the viewpoints that imams carry leadership roles in Malaysia, this book proposed a model of leadership called The Leadership Development Model for Religious Leaders. The model aims to provide some ideas on how leadership capability of imams in Malaysia could be increased. The model could be useful for imams in Malaysia because it was developed based on data from some empirical researches conducted on imams and other religious officers inside and outside Malaysia. In order to increase the validity of the model, data concerning leadership roles of imams were compared with data from researches and theories in conventional leadership and management field of study. Hence, it is expected that the model, if not much, could give some ideas on how imams could effectively stand as leaders at both organization and social levels alike.

Penulis : Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani dan Dr. Adanan Mat Junoh
Tahun Terbit : 2013
Penerbit : UKM Cetak



Buku ini merupakan edisi pertama yang membincangkan mengenai golongan orang kelainan upaya pendengaran (OKU). Secara realiti, kita menyedari tidak ramai pendakwah yang menguasai bahasa isyarat manakalan dalam kalangan OKU pula rujukan untuk mereka memahami asas-asas ajaran Islam adalah sangat terhad. Oleh itu, dalam usaha mempertingkatkan penghayatan agama dalam kalangan golongan kelainan upaya pendengaran ini, satu modul ringkas berkenaan panduan fardu ain dibangunkan. Modul ringkas ini bermatlamat untuk memberikan maklumat asas mengenai aspek-aspek yang patut diketahui oleh setiap individu Muslim OKU. Modul ini dimulai dengan menerangkan aspek terpenting dalam Islam iaitu berkenaan rukun-rukun Iman dan kemudiannya disusuli dengan aspek ibadat dan fiqh. Modul yang dibangunkan ini boleh dimanfaatkan sendiri oleh golongan kelainan upaya pendengaran dan juga oleh mana-mana pegawai agama yang berurusan dengan kumpulan ini.

PERKEMBANGAN KERJAYA

PELANTIKAN JAWATAN PENTADBIRAN USIM

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh
1.	En. Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Razali	Ketua Program Pengajian Akidah dan Agama	15 Mac 2012 – 31 Ogos 2013
2.	Prof. Madya Dr. Mohd. Radhi Ibrahim	Timbalan Dekan (PPPP)	1 Mei 2012 – 31 Ogos 2013
3.	Prof. Madya Dr. Kamaludin Nurdin Marjuni	Ketua Program Da'wah dan Pengurusan Islam	1 Mei 2012 – 31 Ogos 2013
4.	Prof. Dr. Musa Abu Hassan	Pengarah Pusat Komunikasi Strategik	27 Jun 2013 - 26 Jun 2015
5.	Dr. Khairunneezam Mohd Noor	Pengetua Kolej Kediaman Desa Jati	15 Julai 2013 - 14 Julai 2015
6.	Dr. Mohamad Nasrin Mohamad Nasir	Timbalan Pengarah Pusat Institut Sains Islam	1 Ogos 2013 – 31 Julai 2015
7.	Prof. Madya Datin Dr. Sapora Sipon	Timbalan Dekan (PPPP)	1 Sep 2013 – 31 Ogos 2015
8.	Prof. Madya Dr. Kamaludin Nurdin Marjuni	Ketua Program Pengajian Akidah dan Agama	1 Sep 2013 – 31 Ogos 2015
9.	En. Muhammad Khairi Mahyuddin	Ketua Program Da'wah dan Pengurusan Islam	1 Sep 2013 – 31 Ogos 2015
10.	Dr. Mohamad Isa Amat	Timbalan Pengarah ACREDA	4 Nov 2013 – 3 Nov 2015
11.	Dr. Rozita Abdullah	Penyelaras Teras Kebudayaan, Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah	1 Nov 2013 – 31 Oktober 2015

PELANTIKAN BAHARU / PENYAMBUNGAN KONTRAK

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh
1.	Prof. Dr. Musa Abu Hassan	Profesor VK7 (Kontrak)	27 Jun 2013 – 26 Jun 2015
2.	Dr. Rozita Abdullah	Pensyarah Kanan DS51	10 Jun 2013
3.	Dr. Khairunneezam Mohd Noor	Pensyarah Kanan DS51	10 Jun 2013
4.	Dr. Mohamad Isa Amat	Pensyarah DS45 (Sementara)	10 Julai 2013
5.	Dr. Salah Mohamed Zaki Mohamed Ibrahim	Pensyarah Kanan DS51 (Kontrak)	8 Julai 2013 – 7 Julai 2015
6.	Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin	Felo Utama (FU5)	7 Dis 2013 – 6 Dis 2014

KENAIKAN PANGKAT

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh
1.	Dr. Mohd. Faizal Kasmani	Pensyarah Kanan DS52	8 Julai 2013

STAF MENAMATKAN PENGAJIAN

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh	Peringkat Pengajian
1.	Dr. Mohamad Isa Amat	Tutor (DA41)	10 Julai 2013	Ph.D
2.	Dr. Nurhafizah Mohd Sukor	Tutor (DA41)	19 Ogos 2013	Ph.D
3.	Dr. Amin Al-Haadi Shafie	Tutor (DA41)	Oktober 2013	Ph.D
4.	En Mohamad Ezaidi Abdul Hamid	Juruaudio Visual	15 Oktober 2013	Sarjana

STAF MELAPOR DIRI

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh	Peringkat Pengajian
1.	En. Muhammad Khairi Mahyudin	Pensyarah Kanan (DS52)	21 Jun 2013	Ph.D
2.	Cik Kalsom Ali	Tutor (DA 41)	1 Dis 2013	Ph.D
3.	Puan Sofia Hayati Yusoffi	Tutor (DA 41)	23 Dis 2013	Ph.D

STAF MELANJUTKAN PENGAJIAN

Bil.	Nama	Jawatan	Tarikh	Peringkat Pengajian
1.	En. Wan Mohd. Fazrul Azdi Wan Razali	Pensyarah (DS45)	16 Sep 2013 – 15 Sep 2016	Ph.D
2.	Puan Fauziah Hassan	Tutor (DA 41)	25 Okt 2013 – 24 Okt 2016	Ph.D

PROGRAM /AKTIVITI FAKULTI KEPIMPINAN DAN PENGURUSAN 2013

BIL.	PROGRAM	ANJURAN	TARIKH
1.	Kem Aku Cemerlang (KEMAS) Jenderam Hilir, Dengkil, Selangor Pelajar Dakwah Tahun 3	DIMAC	5 – 7 Julai
2.	Syarahan Umum Syeikh Atiyah Mustafa Muhammad Husayn Bilik Mesyuarat Utama FKP	Akidah dan Dakwah	11 Julai
3.	Wacana Akademik Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	FKP	31 Julai
4.	Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2013 (SIGMA 3)	Perwadah	28 September
5.	Dialog Mahasiswa Pengajian Akidah dan Perbandingan Agama 2013 Bilik Mesyuarat Utama FKP	Perwadah	28 September
6.	Program „Pemantapan Akademik dan Sahsia’ Di Sekolah Agama Menengah Unwanus Saadah Kanchong Darat, Banting, Selangor	DIMAC	13-15 September
7.	Mendaki Bukit Broga	Dimac	21 September
8.	Seminar Warga Emas 2013	Perkama	14 November
9.	Kembara Ilmu Ke Negeri Sabah	SPADA	20-23 September
10.	Kem Retreat Mahabbah Pengajian Akidah dan Agama Sesi 2013/2014	Perwadah	11-13 Oktober
11.	Kursus Perkahwinan	Dimac	26-27 Oktober
12.	Kursus Pengurusan Jenazah	Dimac	19 Oktober/ 2 Nov / 16 Nov
13.	Program Talk “Pendedahan Metodologi Dakwah Kepada Non-Muslim”	Dimac	3 Oktober
14.	Lawatan sambil belajar mahasiswa tahun tiga komunikasi (penyiaran)	Transcomm	30 Oktober
16.	Program LIQA’ Universiti Super Best 2013	SPMM	2 Oktober
18.	Program Bicara Siswi “24 Hours”	SPMM	4 Oktober
19.	Ekspedisi Mendaki Gunung Brinchang, Cameron Highland, Pahang	Dimac	4-6 Oktober
20.	Penerokaan Proses Rawatan Islam di Pusat Rawatan Islam Manarah	Perkama	31 Oktober
21.	Program Kajian Ilmiah Mahasiswa Kaunseling Tahun 3 Sesi 2013/2014	Perkama	18 Oktober
22.	Apresiasi Filem Program Komunikasi	Transcomm	22 Oktober
23.	Saturday Night Lecture (Professor Syed Naquib Al-Attas)	Perwadah	26 Oktober
24.	Program Bicara Siswi “ Siswi Bersama Meneraju Kampus”	SPMM	25 Oktober
25.	Khidmat Mahasiswa Prihatin Di Kawasan Rantau Negeri Sembilan	FKP	25-27 Oktober
26.	Kem Kaunseling Kelompok (ABA 3163)	Perkama	23 & 30 Oktober
27.	Bengkel Peningkatan Profesionalisme Kerjaya	Sarjana Kaunseling dadah	29 Oktober
28.	Annual Grand Meeting & X-presi Muslim 2013	SPMM	30 – 31 Oktober
29.	Program Penggunaan Alat Psikometrik Dalam Motivasi Kaunseling Kerjaya	Perkama	1 November
30.	Program Khidmat Dakwah Masyarakat Orang Asli Negeri Sembilan	Dimac	2-7 November
31.	Program Adik-Adikku Pintar	Perkama	1 November
32.	Program Smart Solat	Dimac	8-10 November
33.	Program Kursus Pra Perkahwinan	Dimac	16-17 November
34.	Karnival Kerjaya Sesi 2013/2014	Perkama	22 – 23 November
35.	‘Seeing Is Believing 2.0’ Program Lawatan Ke Pusat-Pusat Pemulihan Pantai Timur	SPADA	7-9 November
36.	Bengkel Refleksi Kem Kaunseling Kelompok (ABA 3163)	Perkama	16 November
37.	Seminar Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling (ABA 4223)	Perkama	28 November
38.	Bengkel Penulisan Berita Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	Transcomm	14 November
39.	Varsity Excellence: To Do A Common Thing In An Uncommon Way	Transcomm	9 November
40.	Kertas Cadangan Penerbitan Majalah Edisi Khas Sempena Festival Filem Dan Video Pelajar ke 10 (FFVPM 10)	Transcomm	14 November
41.	Bersama Mengimarahkan Masjid	Perkama	16 November
42.	Pilihanraya Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Pemilihan Ahli Persatuan Mahasiswa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan	PMFKP	11 – 21 November
43.	Program Ifthor Jama’ie dan LIQA’ Super Best Mega Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia (SPMM)	SPMM	14 November
44.	Program Family Day’s Pelajar Sarjana Muda DAKwah dan Pengurusan Islam Tahun 2	DIMAC	23 November
45.	Program Ekspedisi Kembara Dan Team Building Ke Gua Tempurung	Perkama	20 November



STAF CONTOH FKP JULAI - DISEMBER 2013



Cik Norain Saaluddin
Juruteknik Elektronik

Bulan Julai



Puan Rosninawati Hussin
Tutor Program
Komunikasi

Bulan Oktober



Dr. Mohd Faizal Kasmani
Pensyarah Program
Komunikasi

Bulan Ogos



Rosidayu Sabran
Ketua Program
Komunikasi

Bulan November



En Fahmum Hananun
Muhammad
Penolong Jurutera

Bulan September



Dr Mahazan Abd Mutalib @
Talib
Pensyarah Kanan Program
Dakwah Dan Pengurusan
Islam

Bulan Disember



AL-NASHRAH

Leading The Way - Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Universiti Sains Islam Malaysia,

Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Tel: +606-798 8000 Faks: +606-798 8204

Pihak Fakulti mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anda atas usaha cemerlang yang diberikan. Semoga akan terus maju dalam lapangan karier pada masa akan datang. Syabas dan tahniah!